

**NO. SOALAN: 515**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [ SUBANG ]**

**RUJUKAN : 7317**

**SOALAN:**

**Tuan R. Sivarasa [ Subang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes kematian dalam tahanan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di seluruh Malaysia sejak 2004 hingga 2014 mengikut kaum, jantina, kewarganegaraan, tempat kejadian dan sebab kematian untuk setiap tahun.

## JAWAPAN:

Kementerian memandang serius dan sentiasa komited dalam mengelakkan kejadian kematian dalam tahanan polis atau agensi penguatkuasa yang lain. Kementerian tidak akan sekali-kali berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang disyaki menggunakan kekerasan yang menyebabkan kecederaan atau menyebabkan kematian semasa dalam tahanan. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan akan disiasat dan tindakan sewajarnya oleh Kementerian akan diambil sama ada dari sudut tatatertib atau mencadangkan kepada pihak Pendakwaraya untuk dituduh di Mahkamah.

Statistik tahanan mati dalam lokap Polis pada tahun 2009 sehingga 2014 (Ogos) mengikut bangsa seperti berikut:-

TAHANAN MATI DALAM LOKAP DAN JAGAAN POLIS PECAHAN MENGIKUT KAUM BAGI TAHUN 2009 HINGGA 2014 (SEPTEMBER)										
BIL	TAHUN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH KES	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN- LAIN	WARGA NEGARA ASING	JUMLAH KES
1	2009	7		7	1	2	4			7
2	2010	9		9	5	1	3			9
3	2011	17		17	11	3	1		2	17
4	2012	17	2	19	4	4	6	2	3	19
5	2013	18	2	20	3	5	5	1	6	20
6	2014	13	1	14	5	3	4		2	14
JUMLAH		81	5	86	29	18	23	3	13	86

**Bagi statistik tahanan mati dalam lokap Polis pada tahun 2009 sehingga 2014 (Ogos) mengikut punca kematian seperti berikut:-**

STATISTIK TAHANAN MATI DALAM LOKAP DAN JAGAAN POLIS MENGIKUT PUNCA KEMATIAN BAGI TAHUN 2009 HINGGA 2014 (SEPTEMBER)								
BIL	PUNCA KEMATIAN	2009	2010	2011	2012	2013	2014	JUM
1	HIV					1	1	2
2	SAKIT ASMA	1						1
3	SAKIT JANTUNG		3	1	2	1	1	8
4	LAIN-LAIN PENYAKIT ( USUS, HATI, KUNING, ULSER, PARU-PARU, KERONGKONG )	3	5	15	13	15	12	63
5	GANTUNG DIRI	2	1	1	4	2		10
6	DICEDERAKAN POLIS	1				1		2
JUMLAH		7	9	17	19	20	14	86

**Bagi mengatasi kematian dalam lokap, pihak PDRM telah menyemak semula *Standard Operation Procedure (SOP)* yang sedia ada bagi pengurusan orang tahanan dengan memasukkan elemen baru di antaranya:-**

- a) **Memastikan borang pengesahan penyakit / kecederaan hendaklah diisi dan disahkan oleh orang tahanan itu sendiri.**
- b) **Orang tahanan yang menghidap penyakit berjangkit yang berisiko tinggi kepada tahanan lain hendaklah dengan seberapa yang boleh diasingkan daripada tahanan lain.**
- c) **Lawatan pihak SUHAKAM adalah untuk menentukan tahanan yang ditahan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak antarabangsa.**

- d) Orang tahanan hendaklah seboleh mungkin diasingkan mengikut kategori penahanan mereka sama ada ianya merupakan tahanan reman, tahanan yang telah dijatuhkan hukuman, tahanan yang mabuk, penjenayah yang *habitual* tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan, tahanan wanita dan tahanan kanak-kanak.**
  
- e) Pemeriksaan berkala oleh pegawai perubatan dari Kementerian Kesihatan.**
  
- f) Semua lokap PDRM akan dilengkapi dengan CCTV bagi tujuan memantau pergerakan dan rakaman bagi memastikan orang tahanan dan pegawai polis yang bertugas dapat dipantau sepenuhnya sepanjang masa.**

**Adalah diyakini dengan transformasi dan langkah-langkah drastik yang telah diperkenalkan ini, kes kematian dalam tahanan dapat ditangani dengan lebih telus dan diterima oleh semua pihak dan sekali gus dapat mengurangkan kes kematian dalam tahanan.**